

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) kepada Syarikat SRC International Sdn. Bhd. dan atas perkiraan apakah pinjaman yang begitu besar diberikan oleh KWAP kepada syarikat yang belum ada track rekod perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan kemudahan pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) kepada SRC International Sdn Bhd adalah RM4.0 bilion. Pembiayaan kepada SRC International Sdn. Bhd ini diberikan setelah mengambil kira bahawa semua pelaburan yang dijalankan adalah memenuhi pulangan minima dan parameter risiko yang ditetapkan oleh Lembaga KWAP. Di samping itu, pinjaman KWAP kepada SRC International Sdn. Bhd adalah dijamin oleh Kerajaan Malaysia.